

Geokimia batuan granit di sepanjang jalan dari Kangkar Pulai ke Pekan Nenas, Pontian, Johor Darul Takzim

NOR IBTISAM BT. YUNUS & MOHD ROZI UMOR

Program Geologi

Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam

Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor D.E.

Objektif kajian geokimia bagi batuan granit di beberapa buah kuari di sepanjang jalan daripada Kangkar Pulai ke Pekan Nenas ialah untuk menentukan kandungan unsur-unsur kimia dan sejarah penghabluran bagi batuan granit di kawasan kajian. Data bagi analisis geokimia dipersembahkan dalam bentuk gambarajah TAS, gambarajah Harker dan gambarajah A/CNK. Daripada tren analisis data yang diperolehi, batuan granit di kawasan kajian didapati terdiri daripada batuan peralumina dalam siri kalk-alkali tinggi K dan berjenis granit S. Keseluruhan

batuan menunjukkan pembezaan semasa proses penghabluran. Melalui kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa batuan granit di kawasan kajian menghablur daripada magma yang berasal daripada batuan sedimen atau protolith.